

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1994/95

April 1995

HMP 402 Aspek-Aspek Teori Linguistik Am dan Penerapannya

Masa: [3 jam]

---

**KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI EMPAT [4] SOALAN DI DALAM TIGA [3] HALAMAN.**

Jawab EMPAT [4] soalan.

Tulis nombor soalan yang dijawab sahaja pada muka surat hadapan kertas jawapan.

Jawapan mestilah analitikal dan tepat dengan menggunakan bahasa Malaysia Tinggi serta bentuk tulisan yang mudah dibaca.

Semua soalan mengandungi markah yang sama.

1. SAMA ADA

[a] Ferdinand de Saussure berpendapat bahawa penyelidikan bahasa dapat dijalankan dengan dua cara, iaitu secara sinkronis dan diakronis. Terangkan kedua-dua cara ini dengan mengambil contoh penyelidikan bahasa Malaysia.

ATAU

[b] Sejak dahulu lagi telah timbul dua golongan di dalam menanggapi bahasa, iaitu golongan analogi dan golongan anomali. Terangkan kedua-dua golongan ini dan hubungkan pendapat tersebut dengan pemikiran umum ahli bahasa Malaysia di Malaysia.

2. SAMA ADA

[a] Mathesius dianggap sebagai pelopor Aliran Praha (Prague School) di dalam bidang linguistik. Nyatakan ciri utama Aliran Praha dibandingkan dengan aliran lain.

.../2

ATAU

- [b] Henry Sweet dikatakan sebagai pelopor Aliran London (London School) di dalam bidang linguistik. Nyatakan kajian dan butir utama hasil kajian beliau sehingga lahir aliran ini.

3. SAMA ADA

- [a] Tatabahasa Dewan (1993) memberi petunjuk bahawa buku tersebut mengamalkan pendirian deskriptif dengan penerapan sikap preskriptif di mana perlu. Berdasarkan pengamatan anda apakah kelebihan dan kekurangan di dalam buku tersebut.

ATAU

- [b] Asmah Hj. Omar, penulis Nahu Melayu Mutakhir (1993) memberi petunjuk bahawa buku tersebut mengamalkan nahu sistemik, tetapi penghuraian ini memperhitungkan juga pendekatan struktural, analisis unsur terdekat, analisis makna komponen dan analisis wacana. Berdasarkan pengamatan anda apakah kelebihan dan kekurangan yang terdapat di dalam buku tersebut.

4. SAMA ADA

- [a] Fahami maksud kutipan ini:

Ahli bahasa pula ada yang berpendapat bahawa bahasa ialah hak masyarakat, ciptaan masyarakat dan milik masyarakat. Jadi, apa-apa sahaja bahasa yang dilahirkan atau yang dicipta oleh masyarakat dan difahami oleh masyarakat tersebut, itulah bahasa yang betul.

(Jurnal Dewan Bahasa,  
Februari 1995, hlm 168)

Sila beri komen anda tentang pernyataan ini dan apakah pendekatan linguistik yang sesuai bagi pernyataan seperti itu.

.../3

**ATAU**

[b] Fahami maksud kutipan ini:

Makalah ini berpendapat bahawa bahasa yang **betul, benar, baik, bagus** dan **beradab** haruslah dapat dicerakinkan berdasarkan ilmu bahasa (linguistik), bukan kerana kebiasaan yang salah.

(Jurnal Dewan Bahasa,  
Februari 1995, hlm 168-169)

Sila beri komen anda tentang pernyataan ini dan apakah pendekatan linguistik yang sesuai bagi pernyataan seperti itu.

-ooo000ooo-